



**KAKITANGAN dan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, UTHM bergambar kenangan selepas menyempurnakan misi bantuan pascabanjir di Sekolah Kebangsaan Paya Pasir di Maran, Pahang, baru-baru ini.**

## Sukarelawan UTHM terus berbakti dalam misi pascabanjir

**BATU PAHAT 7 April** - Biarpun sudah empat bulan banjir besar melanda beberapa buah negeri terutamanya di Pantai Timur berlalu, kerja-kerja sukarelawan tidak pernah terhenti dalam menghulurkan apa sahaja bantuan.

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merupakan antara agensi yang komited membuktikan misi bantuan mereka tidak akan terhenti selagi keadaan benar-benar pulih seperti sedia

kala.

Terbaharu pada bulan lalu, seramai 40 sukarelawan warga universiti itu berkunjung ke Sekolah Kebangsaan Paya Pasir di Maran, Pahang.

Misi membabitkan pelajar dan staf Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) itu menumpukan kepada kerja-kerja baik pulih pendawaian dan pemasangan peralatan elektrik.

Menurut Timbalan Dekan Pe-

nyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan, Prof. Madya Dr. Mohammad Faiz Liew Abdullah, pihaknya turut melakukan kerja-kerja mengecat kelas, surau, tembok pagar dan dewan sekolah.

"Program sukarelawan ini adalah sebagai satu usaha fakulti menyahut saranan pengurusan tertinggi universiti bagi melaksanakan misi bantuan pascabanjir," katanya di sini hari ini.

Dalam misi terbabit, FKEE turut

menyalurkan bantuan wang tunai untuk membeli barang keperluan solat kepada pelajar seperti sejadah, telekung, kain pelekat dan kain batik yang diwakafkan di surau sekolah.

Malah, pihak sekolah terbabit mengalu-alukan sebarang bentuk bantuan lain kepada mereka pada masa akan datang bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar kembali seperti biasa.